



89 peratus tapak pembinaan tak patuh SOP keselamatan

2,486 projek tidak dibenarkan beroperasi di seluruh negara

Kuala Lumpur: Sebanyak 89 peratus atau 2,486 tapak pembinaan di seluruh negara belum mencapai tahap pematuan prosedur operasi standard (SOP) keselamatan yang ditetapkan untuk membendung penularan jangkitan COVID-19.

Berikutan itu, semua tapak pembinaan terbabit tidak dibenarkan beroperasi sehingga sekarang.

Menteri Kanan (Infrastruktur), Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata penemuan itu dibuat hasil pemeriksaan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di tapak pembinaan itu di seluruh negara.

"Bagaimanapun, ada antara mereka sedang membuat persiapan pematuan SOP seperti ditetapkan kerajaan.

"Seperti yang kita maklum, kerajaan amat menitikberatkan aspek keselamatan dalam melaksanakan proses pembukaan ekonomi tidak terkecuali dalam industri pembinaan.

"Sejak 20 April hingga Jumaat lalu, CIDB sudah mengadakan sebanyak 3,004 pemeriksaan tapak pembinaan di seluruh negara bagi melihat tahap pematuan pihak industri terhadap SOP yang ditetapkan," katanya kepada BH.

Sektor pembinaan adalah antara lapan sektor tambahan yang dibenarkan beroperasi sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa ketiga dilaksanakan bermula 15 hingga 29 April lalu.

Fadillah yang juga Menteri Kerja Raya, berkata daripada



Tapak pembinaan perlu patuhi tahap pematuan SOP keselamatan yang ditetapkan untuk membendung penularan jangkitan COVID-19. (Foto ilusan)

3,004 pemeriksaan tapak pembinaan yang dilakukan, hanya dua peratus atau 81 yang sudah memulakan operasi didapati tidak patuh SOP, sekali gus diberi amaran keras oleh pihak berkuasa.

Beliau berkata, sebanyak 257 tapak pembinaan atau mewakili sembilan peratus pula didapati mematuhi SOP ditetapkan memabatkan tiga aspek iaitu pematuan di tapak pembinaan, pergerakan pekerja dan kuarters atau tempat tinggal pekerja.

"Sehingga kini dua tapak pembinaan sudah diarah tutup kerana tidak mematuhi SOP sebelum memulakan kerja, iaitu di Jalan Ampang berkuat kuasa 6 Mei lalu dan satu lagi di Mukim Batu Sentul," katanya.

Beliau berkata, antara SOP yang ditetapkan ialah memastikan semua warga asing (pekerja dan majikan) menjalani ujian makmal COVID-19 dan dipastikan bebas dari penyakit itu, sebelum dibenarkan bekerja di ta-

Seperti yang kita maklum, kerajaan amat menitikberatkan aspek keselamatan dalam melaksanakan proses pembukaan ekonomi tidak terkecuali dalam industri pembinaan.

Fadillah Yusof,
Menteri Kanan (Infrastruktur)

pak pembinaan.

Selain itu, katanya, syarikat juga harus menyediakan pengangkutan bagi pergerakan pekerja dengan mengamalkan penjarakan sosial dan kenderaan yang digunakan perlu dinyah cemar kuman

sebelum dan selepas digunakan.

"Semua pekerja yang memasuki tapak bina perlu diperiksa suhu dan direkodkan untuk rujukan. Penjarakan sosial perlu diamalkan dan kawasan gunasama perlu dinyah kuman," katanya.

Kontraktor yang didapati melanggar SOP ketika PKP atau PKPD boleh dikenakan tindakan tegas mengikut Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawasan Penyakit 1988), termasuk didakwa di mahkamah atau disenarai hitam oleh CIDB," katanya.

Selain itu, CIDB juga boleh mengambil tindakan tatatertib seperti menggantung dan membatalkan pendaftaran kontraktor terbabit.

Sebelum ini, Fadillah mengumumkan lebih 19,000 permohonan berkaitan sektor pembinaan dibuat kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI) dengan 1,856 diluluskan, 7,000 tidak diluluskan dan kira-kira 8,000 lagi dalam proses penilaian.